



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Ara 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-28959100
Faks: 06-23452011, 5032, 5302
Laman Web:
<http://dauk.na.gov.my/na/index>

Ruj. Kami : ANM(A)MEL/12 Jld 6 (32)
Tarikh : 7 Mac 2019
Bersamaan : 22 Jamadilakhir 1440H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

Yb/fg. Datuk/Dato'/Datu/ Tuan/ Puan,

PROSES REKUPMEN PANJAR WANG RUNCIT DAN PANJAR KHAS

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman, pihak PTJ perlu menyelesaikan tindakan rekupmen Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas sehingga selesai tindakan penerimaan rekupmen (C5) pada setiap hujung bulan bagi memastikan proses penutupan akaun bulanan berjalan dengan lancar.
- Sehubungan itu, PTJ perlu selesai Peraku 2 Arahan Pembayaran selewat-lewatnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh akhir bulan tersebut. Manakala tindakan penerimaan rekupmen (C5) perlu di selesaikan selewat-lewatnya sehari sebelum tarikh penutupan akaun bulanan seperti di "Lampiran A".
- Untuk makluman tuan/puan, sekiranya Arahan Pembayaran yang dibuat selepas tarikh yang dibenarkan, tindakan kurir akan dibuat semasa proses semakan pejabat perakaunan.
- Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi En. Mohd. Hairul bin Jamaludin atau Puan Siti Noraini binti Rosli di talian 06-289 5060 / 06-289 5062

- Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan amat diharapkan. Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Peringkat Inovasi Terokal Transformasi Kuasa Globalisasi"

Saya yang menjalinkan amanah,

(LOKKAN BIN LATIP c. a/m)

Timbalan Pengarah
b.p. Pengarah

Jabatan Akuntansi Negara Malaysia Negeri Melaka

s. k. Farid Timbur



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/melaka>



Ruj. Kami : ANM(T)MEL/03/68 JLD.3 (14)
Tarikh : 04 Oktober 2019
Bersamaan : 05 Safar 1441H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

Tuan,

**TARIKH AKHIR PERAKUAN 2 ARAHAN PEMBAYARAN BAGI URUSAN
PENUTUPAN AKAUN BULANAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Arahan Pembayaran yang telah diperaku 2 perlu disempurnakan bayaran dalam bulan yang sama. Hal ini untuk memastikan perbelanjaan dapat diperakaunkan di dalam tempoh yang tepat.

3. Sehubungan itu, setiap PTJ hendaklah memperaku 2 Arahan Pembayaran **selewat-lewatnya pada pukul 4 petang pada hari bekerja terakhir setiap bulan**. Kegagalan PTJ mematuhi tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan proses penutupan akaun bulanan Kerajaan Persekutuan tidak dapat dilaksanakan dengan sepatutnya.

4. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pegawai kami Puan Nor Rashidah Binti Kadam/ Cik Nur Hartatie Azira Binti Azizan di talian 06-289 5086/ 5007.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi, Terokai Transformasi, Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Melaka.

shabibah_binti_bachok_operasi/Unit Pengurusan Dana/Surat 2019/Berkeh akhir Peraku II

s.k.

1. PPK (K) - sila laporkan penemuan sekiranya terdapat PTJ yang gagal mematuhi arahan
2. Fail timbul